

# Kerajaan negeri perlu bantu FELDA - Najib

**Tanpa sokongan dan peluang daripada kerajaan negeri, FELDA sukar untuk memperoleh keuntungan yang lebih besar pada masa akan datang**

**NAJIB  
TUN  
RAZAK  
Timbalan  
Perdana  
Menteri**

Oleh FAUZI JAAFAR

**KUALA LUMPUR** 1 okt. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meminta kerajaan-kerajaan negeri membantukan FELDA dalam meningkatkan keuntungannya.

Menurut beliau, tanpa sokongan dan peluang daripada kerajaan negeri, FELDA sukar untuk memperoleh keuntungan yang lebih besar pada masa akan datang.

"Sekiranya kerajaan negeri membantu kita (FELDA), beri peluang yang lebih, tentu sekali FELDA boleh meningkatkan bayaran zakat," kata beliau semasa berucap di Majlis Berbuka Puasa dan Penyerahan Zakat FELDA di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zain; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Pengerusi FELDA, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor.

Najib berkata, jumlah wang zakat yang diagihkan oleh Kumpulan Syarikat FELDA kepada negeri-negeri di mana ia beroperasi adalah sebanyak RM6.6 juta manakala bagi Koperasi Permodalan FELDA (KPF) pula, ia me-

nyumbang RM2 juta.

Timbalan Perdana Menteri dalam pada itu turut mengingatkan pengurusan FELDA supaya meningkatkan produktiviti bagi menambah pendapatan.

"Kalau FELDA tidak dapat bantuan dan sokongan daripada kerajaan negeri, pengurusan FELDA perlu meningkatkan produktiviti," kata beliau.

Beliau percaya zakat mampu menyelesaikan permasalahan umat Islam masa kini.

"Pemberian zakat ini merupakan satu jalan keluar bagi permasalahan umat Islam," tegas beliau.

Apabila syarikat mendapat keuntungan kata beliau, ekonomi pula dapat dipertingkatkan dan keuntungan yang dizakatkan boleh memantapkan kedudukan umat Islam.

"Dan itulah juga yang disarankan pucuk pimpinan negara melalui Islam Hadhari yang salah satu falsafahnya ialah menjalankan pentadbiran kerajaan atau organisasi dengan cekap dan amanah.

"Kita tidak boleh lihat usaha kita menjana umat Islam hanya dengan slogan, kita kena siasat apa sebenarnya prinsip yang diamalkan supaya lebih mampu menjana kecemerlangan umat Islam," jelas beliau.